

PERANAN KESEDAR DALAM PEMBANGUNAN TANAH DI DAERAH GUA MUSANG: ISU DAN PENCAPAIAN TAHAP SOSIOEKONOMI PENEROKA

*The Role of KESEDAR in Land development at Gua Musang District: Issue and
Level of Settler Socioeconomic Achievement*

Fauzi Hussin
Hussin Abdullah
Siti Hadijah Che Mat
Jabatan Ekonomi
Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan
Universiti Utara Malaysia

ABSTRAK

Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) adalah sebuah agensi kerajaan yang telah diberi tanggungjawab untuk memajukan sepuluh buah tanah rancangan yang terletak di Daerah Gua Musang, Kelantan. Tanah rancangan yang dimajukan oleh agensi ini termasuklah kawasan tanah rancangan Paloh 1, Paloh 2, Paloh 3, Chalil, Lebir, Meranto, Paloh 4, Renok Baru, Jeram Tekoh dan Sungai Asap. Hampir keseluruhan kawasan ladang di tanah rancangan ditanam dengan tanaman getah dan kelapa sawit. Persoalannya sejauh manakah kejayaan pihak pengurusan KESEDAR dalam memajukan taraf sosioekonomi peneroka? Apakah isu-isu dan masalah yang dihadapi oleh pihak pengurusan KESEDAR sebagai agensi yang bertanggungjawab memajukan tanah di negeri Kelantan?. Kertas seminar ini akan membincangkan isu dan masalah yang dihadapi oleh pihak pengurusan KESEDAR serta peranannya dalam meningkatkan tahap sosioekonomi para peneroka. Sejumlah 133 soal selidik berjaya dikutip daripada responden kajian iaitu ketua isi rumah bagi setiap keluarga peneroka sebagai sampel kajian. Soal selidik mengandungi maklumat-maklumat seperti faktor demografi, jenis tanaman yang diusahakan, pendapatan, bantuan diperolehi serta masalah-masalah yang dihadapi peneroka. Selain itu, temubual secara bersemuka juga dijalankan untuk mendapat maklumat berkaitan isu dan masalah yang dihadapi oleh pihak pengurusan KESEDAR dalam memajukan tanah peneroka. Dapatan kajian menunjukkan tahap pendapatan peneroka masih lagi rendah walaupun kebanyakan mereka berpendapatan melepasi aras kemiskinan tegar. Faktor utama yang menjadi masalah dan mengurangkan pendapatan peneroka ialah usia tanaman getah dan kelapa sawit, peneroka yang sudah lanjut usia, generasi kedua yang bekerja di bandar serta keluasan tanah untuk tanaman yang tidak bertambah. Isu-isu utama yang dihadapi oleh pihak pengurusan KESEDAR pula termasuklah isu tanaman semula, isu bantuan sara hidup peneroka, isu penyelenggaraan ladang, isu hutang peneroka, isu generasi kedua dan isu pencerobohan baki kawasan belum tanam semula.

Kata Kunci: KESEDAR, sosioekonomi peneroka, pengurusan KESEDAR.
Kod JEL : R11, R58

PENGENALAN

Terdapat pelbagai agensi telah ditubuhkan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah bagi tujuan meningkatkan tahap sosioekonomi di kalangan penduduk semua negeri di Malaysia. Antara agensi yang terlibat dalam memajukan masyarakat luar bandar di daerah Gua Musang, Kelantan ialah Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA). Penubuhan KESEDAR bertujuan mengimbangi komposisi penduduk di antara Kelantan Selatan dengan Kelantan Utara, selain membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Kepentingan pembangunan di Wilayah Kelantan Selatan telah mendorong kerajaan persekutuan menubuhkan KESEDAR supaya pembangunan dapat diseimbangkan antara wilayah di negara ini. KESEDAR berfungsi untuk memaju, menggalak, membantu dan menyelaras pelaksanaan pembangunan ekonomi dan sosial meliputi empat bidang utama seperti tempat tinggal, perindustrian, perdagangan dan pertanian di daerah Gua Musang.

LATAR BELAKANG

Daerah Gua Musang terletak di selatan negeri Kelantan dan agak terpisah dengan pusat pentadbiran negeri di Kota Bharu. Sebelum tahun 1976, kawasan ini diletakkan di bawah pusat pentadbiran Jajahan Ulu Kelantan yang meliputi kawasan Kuala Krai dan Gua Musang. Pusat pentadbiran pada masa itu terletak di Kuala Krai. Pejabat kecil Jajahan telah didirikan di Gua Musang pada tahun 1950 diketuai oleh seorang Penolong Ketua Jajahan dan beberapa pembantu. Penubuhan pejabat kecil ini bertujuan untuk menyelesaikan masalah penduduk. Pada tahun 1953, pejabat kecil Jajahan ini telah ditutup. Gua Musang telah diberi taraf Jajahan Kecil (*Sub-District*) pada tahun 1976. Pada September 1977, Jajahan Kecil Gua Musang telah dinaikkan taraf menjadi Jajahan Penuh. Ia merupakan jajahan yang kesembilan dalam negeri Kelantan.

Gua Musang merupakan sebuah daerah yang kebanyakan penduduknya adalah tergolong dalam masyarakat peneroka. Daerah ini menempatkan dua agensi persekutuan yang diberi tanggungjawab untuk membuka dan memajukan tanah rancangan iaitu FELDA dan KESEDAR. FELDA diberi tanggungjawab memajukan sembilan buah tanah rancangan yang terdiri daripada Kemahang 3, Chiku 1, Chiku 2, Chiku 3, Chiku 5, Chiku 6, Chiku 7, Perasu, dan Aring 1. KESEDAR pula terdiri daripada sepuluh buah tanah rancangan di daerah Gua Musang. Antara tanah rancangan tersebut ialah Paloh 1, Paloh 2, Paloh 3, Chalil, Lebir, Meranto, Paloh 4, Renok Baru, Jeram Tekoh dan Sungai Asap. Terdapat sebanyak 9 buah Rancangan Kemajuan Tanah (RKT) yang mempunyai peneroka dan 1 Ladang Tanpa Peneroka. Keseluruhan kawasan RKT adalah seluas 19,759.58 hektar dan menempatkan seramai 2,228 orang peneroka (KESEDAR, 2011).

Jadual 1 menunjukkan maklumat tentang kedudukan peneroka, jenis tanaman dan keluasan tanaman mengikut Rancangan Kemajuan Tanah (RKT) di bawah KESEDAR.

JADUAL 1:
KESEDAR Gua Musang: Luas kawasan tanaman kelapa sawit dan getah (2008)

Bil	RKT	Bilangan peneroka	Kategori tanaman (hektar)	
			Kelapa sawit	Getah
1	Renok Baru	237	286.77	1,778.66
2	Sungai Asap	231	182.54	1,753.33
3	Jeram Tekoh	349	361.68	1,655.22
4	Paloh 1	267	1,812.04	429.7
5	Paloh 2	284	1,203.97	480.76
6	Paloh 3	317	1,420.13	999.75
7	Lebir	186	127.18	1,017.09
8	Chalil	188	1,136.8	462.59
9	Meranto	98	614.06	276.23
10	Paloh 4	-	1,284.88	615.83
	JUMLAH	2,157	8,430.05	9,469.16

Sumber: Pejabat KESEDAR, Jun 2011.

Berdasarkan Jadual 1 di atas, didapati tanaman kelapa sawit dan getah menjadi pilihan sebagai tanaman utama peneroka di semua tanah rancangan di bawah agensi KESEDAR. Keluasan tanaman kelapa sawit dan getah adalah hampir sama iaitu 8,430.05 hektar dan 9,469.16 hektar masing-masing. RKT Paloh 4 merupakan tanah rancangan tanpa peneroka yang baru dibuka dengan tanaman kelapa sawit (1,284.88 hektar) dan getah (615.83 hektar).

Fungsi KESEDAR

Menurut Seksyen 4(1) Akta 203/78, KESEDAR diberi tanggungjawab untuk memaju, menggalak, membantu dan mengusahakan di samping mengawas dan menyelaras pelaksanaan pembangunan ekonomi dan sosial masyarakat peneroka yang meliputi empat bidang utama seperti tempat tinggal, perindustrian, perdagangan dan pertanian. Bahagian Pembangunan Pertanian telah diwujudkan menggantikan Bahagian Rancangan Kemajuan Tanah (RKT) berkuatkuasa pada tahun 2006. Fungsi dan peranan yang diberikan telah diperluaskan iaitu selain pembangunan RKT, tanggungjawab lain termasuklah memberi khidmat teknikal bagi kegiatan pertanian yang dilaksanakan di kawasan KESEDAR. Khidmat teknikal yang diberi kepada peneroka adalah seperti membangunkan semula

ladang-ladang peneroka, mengeluarkan bilangan anak benih yang mencukupi dan menyelenggara ladang-ladang hingga ke peringkat pengeluaran hasil.

Program Rancangan Kemajuan Tanah bermatlamat meningkatkan kualiti hidup dan pendapatan peneroka di semua Rancangan Kemajuan Tanah (RKT) di bawah pengurusan KESEDAR melalui penyediaan jalan pertanian, jalan kampung, kemudahan awam dan bekalan air bersih. Bahagian pengurusan KESEDAR telah dibahagikan kepada lima unit utama berdasarkan fungsi dan peranan yang berlainan. Antara unit-unit tersebut seperti Unit Pentadbiran/Kewangan/Akaun, Unit Hal Ehwal Peneroka/Infra, Unit Peladangan Zon Paloh, Unit Peladangan Zon Nenggiri, dan Unit Agro/Anak Syarikat.

PERNYATAAN MASALAH

Setiap peneroka diberikan sebanyak sepuluh hektar untuk pertanian iaitu ladang serta sebuah rumah. Oleh yang demikian, pekerjaan dan pendapatan utama peneroka adalah melalui hasil sawit dan getah yang diperolehi setiap bulan bagi menampung kos perbelanjaan harian serta persekolahan anak-anak mereka. Penghijrahan peneroka daripada kampung asal ke kawasan tanah rancangan ini telah banyak mengubah nasib mereka dari kehidupan miskin dengan memperolehi pendapatan yang lebih baik di tanah rancangan. Peneroka pada hari ini sudah mampu berbangga dapat menikmati hidup di tanah rancangan ini kerana mereka mempunyai harta milikan seperti kenderaan, kelengkapan rumah, bekalan air dan elektrik yang sempurna serta kemudahan asas yang lain berbanding sebelumnya.

Namun begitu, sektor pertanian bukanlah satu sektor yang stabil dari segi pendapatan peneroka kerana masalah seperti harga komoditi kelapa sawit dan getah yang sentiasa turun naik, pengeluaran kelapa sawit yang bermusim serta beberapa faktor lain seperti usia pokok, penjagaan dan sebagainya yang mempengaruhi pendapatan bulanan peneroka. Selain itu, terdapat juga faktor luaran seperti permintaan pasaran minyak sawit yang menyebabkan pendapatan peneroka berkurangan. Minyak sawit telah bersaing dengan minyak sayuran yang lain, iaitu minyak soya manakala getah asli pula terpaksa bersaing dengan getah tiruan apabila terciptanya getah tiruan di pasaran. Keadaan ini banyak merugikan peneroka kerana mata pencarian mereka berkurangan. Sewaktu kegawatan ekonomi berlaku, ramai peneroka memajukan ladang mereka kepada pihak luar. Kajian dibuat oleh FELDA mendapati taraf hidup keluarga yang tanah mereka dipajak amat daif (Mazlan, 2003).

Pihak pengurusan KESEDAR pula menghadapi pelbagai isu dan masalah dalam usaha mereka membangunkan tanah peneroka. Isu-isu utama termasuk isu dari segi tanaman semula, isu bantuan sara hidup peneroka, isu penyelenggaraan ladang, isu hutang peneroka, isu generasi kedua dan isu baki kawasan belum tanam semula.

Objektif kajian ini adalah untuk membincangkan isu-isu dan masalah yang dihadapi oleh pihak pengurusan KESEDAR serta mengenalpasti tahap sosioekonomi peneroka dalam kawasan Rancangan Kemajuan Tanah yang diuruskan oleh KESEDAR.

KAJIAN LEPAS

Penderitaan masyarakat peneroka kini berlaku akibat kemerosotan hasil ladang yang telah menghimpit 168,750 keluarga peneroka di kawasan FELDA dan 35,815 keluarga pekebun kecil kampung serta kira-kira 33,000 keluarga peneroka FELCRA. Sekitar tahun 1997 dan 1998 harga kelapa sawit adalah pada aras RM400 bagi setan dan pada tahun 2000 ia pernah mencecah tahap paling rendah iaitu RM60 setan. Bagi peneroka FELDA pula, pendapatan mereka lebih baik sedikit berbanding pekebun kecil kampung kerana kelapa sawit di kawasan FELDA lebih bermutu tinggi dan mampu dijual pada harga kira-kira RM100 setan yang mana ia jauh masih rendah (Mazlan, 2001).

Tanaman semula pokok sawit baru bagi menggantikan pokok sawit tua yang tidak ekonomik dipercayai sebagai strategi yang praktikal bagi mempertingkatkan produktiviti kelapa sawit. Produktiviti yang tinggi akan memastikan kesinambungan industri kelapa sawit dan dapat bersaing ketika harga kelapa sawit di paras yang rendah. Bagi pokok yang tinggi sudah tentu kos untuk menuai buah kelapa sawit tersebut juga tinggi. Kos menuai bagi pokok yang tinggi adalah antara RM28 hingga RM35 berbanding dengan pokok yang rendah iaitu antara RM20 hingga RM23 (Idris et.al, 2001).

Perubahan struktur ekonomi Malaysia daripada pertanian kepada negara perindustrian mengakibatkan migrasi buruh dari sektor pertanian kepada sektor perindustrian. Keadaan ini menyebabkan masalah kekurangan buruh tempatan di sektor pertanian yang serius sehingga

menyebabkan kira-kira 1.5 juta pekerja asing diperlukan (Khoo Khee Ming dan D. Chandramohan, 2002).

Hairi Abdullah (1984), telah menyatakan bahawa masalah sosioekonomi yang rendah boleh dianggap sebagai penyakit sosial dan menjadi musuh utama kepada rancangan-rancangan pembangunan negara. Bagi membasmi kemiskinan ini, kerajaan telah mencipta satu falsafah yang dinamakan Dasar Ekonomi Baru. Dasar ini mempunyai dua tujuan utama iaitu menghapuskan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Pada pendapat beliau, di masa akan datang kemiskinan perlu dimusnahkan.

Dari sudut ekonomi, Smith (1963) berpendapat bahawa taraf sosio ekonomi rendah adalah keadaan kekurangan daripada tahap keperluan asas tertentu seperti makanan, pakaian, dan tempat perlindungan. Fenomena taraf sosio ekonomi rendah bukan merupakan persoalan ekonomi semata-mata. Justeru itu, banyak pengkaji telah memasukkan unsur-unsur bukan ekonomi dalam konsep taraf sosio ekonomi rendah. Melalui pendekatan biologi iaitu satu konsep “cukup hidup” mendapati golongan miskin boleh dikenalpasti melalui pendekatan mereka yang tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan minimum demi mengekalkan kecekapan fizikal.

Atas kesedaran bahawa pengalaman pembangunan ekonomi di negara Dunia Ketiga telah gagal untuk membawa faedah kepada golongan yang bertaraf sosio ekonomi rendah, maka pemikiran tentang pembangunan mula berubah daripada masalah kewujudan gunatenaga kepada ‘pengagihan semula pertumbuhan’ dan seterusnya kepada pembangunan yang berasaskan ‘keperluan asasi’ yang menekankan pentingnya memenuhi keperluan asasi manusia (Khairuddin dan Ooi Giok, 1984).

Silock (1963) menyatakan bahawa pertumbuhan penduduk yang pesat di luar bandar yang menyebabkan kadar pergantungan ahli-ahli kepada ketua keluarga semakin tinggi, ketiadaan tanah atau saiz tanah yang tidak ekonomik yang menyebabkan gunatenaga tidak penuh dan penggangguran serta kekurangan modal yang membawa kepada kemiskinan penduduk luar bandar.

Menurut Za’ba (1975) kemiskinan dalam kalangan bangsa melayu di zaman penjajahan berasaskan kepada dua faktor iaitu kemiskinan kebendaan dan kemiskinan kerohanian. Faktor utama yang menyebabkan kemiskinan kebendaan ialah kekurangan peluang pekerjaan. Keadaan ini berlaku adalah disebabkan pada masa tersebut peluang pekerjaan di tanah melayu masih belum berkembang.

Ahmad Mahdzan Ayob (1994) menyatakan bahawa golongan petani adalah golongan yang termiskin dalam masyarakat. Menurut beliau walaupun sektor pertanian mendapat peruntukan sejak merdeka lagi namun kemiskinan dalam kalangan pekebun kecil tidak dapat dihapuskan sama sekali. Kemiskinan di desa berpunca daripada saiz bidang tanah, jenis tanaman yang tidak ekonomi, teknologi yang rendah, sistem sewaan tanah dan peluang yang terhad bagi menambah pendapatan adalah punca yang membawa kepada fenomena kemiskinan.

Yahya Ibrahim (1994) menyatakan ketiadaan daya penarik dan peluang yang baik di tanah rancangan menyebabkan masyarakat FELDA terutamanya anak-anak peneroka berpindah keluar ke tempat yang dirasai sesuai dengan kehendak dan alam remaja mereka. Keadaan ini menyebabkan sektor perladangan mengalami kekurangan tenaga buruh tempatan.

Mohd Nahar (2004) menyatakan sekiranya perbandingan dibuat di antara sektor pertanian dan sektor-sektor lain didapati jumlah upah, insentif dan suasana tempat kerja di sektor pertanian adalah tidak begitu kompetitif berbanding sektor lain. Ini secara langsung menyukarkan usaha kerajaan untuk menarik minat golongan muda bekerja di sektor pertanian. Rata-rata belia kampung lebih senang bekerja di kilang berbanding di ladang. Faktor guna tenaga negara yang kebanyakannya kini berkelulusan tinggi turut menyulitkan keadaan apabila graduan-graduan universiti lebih berminat bekerja di sektor yang dianggap lebih setaraf dengan kelulusan mereka. Menurut Tadaro (1997) transformasi ekonomi daripada sektor tradisional (pertanian) kepada sektor perindustrian memberi kesan kepada pembahagian sumber manusia dalam ekonomi dan mencipta peluang guna tenaga yang lebih produktif.

METHODOLOGI KAJIAN

Data

Populasi kajian ini ialah peneroka di sembilan buah Rancangan Kemajuan Tanah (RKT) di bawah pengurusan KESEDAR di daerah Gua Musang. Sejumlah 133 soal selidik yang lengkap berjaya dikutip daripada responden. Responden kajian ialah ketua isi rumah bagi setiap keluarga peneroka sebagai sampel kajian untuk mewakili keseluruhan peneroka di tanah-tanah rancangan KESEDAR di daerah Gua Musang, Kelantan.

Soal selidik mengandungi maklumat-maklumat seperti faktor demografi, jenis tanaman yang diusahakan, pendapatan hasil ladang, pendapatan sampingan (jika ada), pendapatan keseluruhan, kemudahan dan bantuan diperolehi serta masalah-masalah yang timbul. Maklumat ini diperolehi adalah daripada maklumbalas responden melalui borang soal selidik. Selain itu temubual secara bersemuka juga dilakukan untuk mendapat maklumat-maklumat berkaitan masalah yang dihadapi oleh pihak pengurusan KESEDAR dalam memajukan tanah-tanah rancangan di daerah Gua Musang.

HASIL KAJIAN

Jadual 2 menunjukkan anggaran jumlah pendapatan hasil ladang yang diperolehi oleh responden pada setiap bulan. Anggaran jumlah pendapatan hasil ladang ini dikategorikan kepada lapan kategori. Majoriti responden di kedua-dua tanah rancangan memperoleh pendapatan antara RM601 hingga RM1200 iaitu 76 orang (57%) responden, diikuti oleh kategori pendapatan antara RM301 hingga RM600 seramai 33 orang (25%) responden.

JADUAL 2:
Jumlah pendapatan hasil ladang peneroka KESEDAR

Pendapatan hasil ladang	Bilangan Responden
Bawah RM300	1
RM301 - RM600	33
RM601 - RM900	40
RM901 - RM1200	36
RM1201 - RM1500	15
RM1501 - RM1800	8
RM1801 - RM2100	0
RM2101 ke atas	0
Jumlah	133

Jadual 3 menunjukkan tempoh masa responden menjadi peneroka di tanah rancangan KESEDAR. Majoriti responden di tanah rancangan KESEDAR telah menjadi peneroka antara 20 hingga 23 tahun iaitu seramai 46 orang (61%) responden. Peneroka di tanah-tanah rancangan KESEDAR telah menetap selama antara 24 hingga 27 tahun pula seramai 40 orang (30%) responden. Kesimpulan yang dapat dibuat adalah kebanyakan peneroka di setiap tanah rancangan telah lama menetap di kawasan tersebut dan mengusahakan tanaman sawit dan getah. Tempoh menjadi peneroka ini hampir sama dengan usia pokok kelapa sawit dan getah. Dalam usia lebih 20 tahun pokok-pokok kelapa sawit dan getah sudah tua, kurang mengeluarkan hasil dan sudah sampai masa untuk di tanam semula. Jadi pendapatan kebanyakan peneroka makin berkurangan sekiranya kelapa sawit dan getah tidak ditanam semula.

JADUAL 3:
Tempoh masa menjadi peneroka

Tempoh masa menjadi peneroka	Bilangan Responden
12 - 15 tahun	14
16 - 19 tahun	25
20 - 23 tahun	46
24 - 27 tahun	40
28 tahun ke atas	8
Total	133

Jadual 4 menunjukkan jumlah pendapatan keseluruhan yang diperolehi responden peneroka di tanah rancangan KESEDAR Gua Musang. Pendapatan keseluruhan meliputi pendapatan yang diperolehi daripada hasil ladang dan pendapatan sampingan. Melalui jadual didapati bahawa rata-rata responden memperoleh pendapatan keseluruhan sekitar RM901 hingga RM1200 iaitu seramai 45 orang atau 34% responden. Bagi kategori pendapatan keseluruhan antara RM601 hingga RM900 mencatatkan jumlah seramai 33 orang responden berbanding 17 orang responden berpendapatan antara RM1201- RM1500. Pendapatan sampingan ini diperolehi sama ada daripada pemberian anak-anak yang bekerja, melakukan kerja sambilan dan ada juga dalam kalangan peneroka tersebut menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan.

JADUAL 4:
Jumlah pendapatan keseluruhan responden

Jumlah pendapatan keseluruhan	Bilangan Responden
RM301 – RM600	31
RM601 – RM900	33
RM901 – RM1200	45
RM1201 – RM1500	17
RM1501 – RM1800	3
RM2101 dan keatas	4
Jumlah	133

Penemuan kajian mendapati 67 peratus daripada keseluruhan responden mempunyai pendapatan sampingan. Terdapat banyak faktor yang mempengaruhi peneroka terbabit melakukan pekerjaan sampingan tersebut. Antara faktor penting ialah perolehan hasil ladang yang tidak mencukupi bagi menampung perbelanjaan mereka sekeluarga di samping minat mereka untuk melakukan kerja sambilan tersebut. Pendapatan yang rendah daripada hasil ladang berlaku berikutan faktor usia pokok tersebut yang sudah mencecah usia lebih daripada 20 tahun.

Hasil kajian juga mendapati bahawa responden peneroka di daerah Gua Musang telah mencecah usia tua iaitu berumur 50 tahun dan ke atas iaitu mewakili 80 peratus daripada jumlah keseluruhan peneroka tanah rancangan KESEDAR. Pada usia yang sebegini mereka sudah kurang berupaya untuk mengusahakan ladang kerana memerlukan pekerjaan ini memerlukan tenaga. Justeru itu, kebanyakan daripada peneroka memilih untuk menyerahkan ladang mereka kepada anak-anak untuk diusahakan dan ada juga yang mengupah pekerja untuk bekerja di ladang mereka selain memajakkan ladang mereka kepada individu yang lain. Mereka juga lebih cenderung untuk melakukan pekerjaan sampingan bagi mengisi masa terluang seperti berniaga kerana pekerjaan ini tidak memerlukan tenaga yang banyak.

Isu dan Masalah

Terdapat beberapa isu dan masalah yang dihadapi oleh pihak pengurusan KESEDAR dalam usaha memajukan tanah rancangan. Misalnya isu peruntukan tidak mencukupi bagi tujuan tanam semula kelapa sawit dan getah. Peruntukan yang ada hanya mencukupi untuk tanam semula kawasan seluas 3,994 hektar sahaja atau 37.4 peratus daripada keseluruhan kawasan yang sepatutnya di tanam semula. Ladang-ladang tidak dibangunkan dengan amalan yang baik menyebabkan hasil yang diterima oleh peneroka lebih rendah berbanding ladang-ladang swasta seperti ladang milik Sime Darby, IOI dan sebagainya.

Isu kedua adalah berkaitan dengan bantuan sara hidup peneroka yang mana ladang mereka terlibat dengan tanam semula. Pada awal 2006, Jawatankuasa Tindakan Khas Tanam Semula bersetuju bantuan sara hidup peneroka diberi sebanyak RM500 sebulan. Bagaimanapun peruntukan tambahan dalam RMKke10 untuk tambahan sara hidup tidak diluluskan. Kesannya, 44 peratus daripada Dana Tanam Semula terpaksa digunakan untuk Bantuan Wang Sara Hidup dan menyebabkan kawasan yang sepatutnya ditanam semula tidak dapat dilakukan kerana kekurangan sumber kewangan. Isu ketiadaan kontraktor yang berwibawa dan berpengalaman dalam penyelenggaraan ladang membawa kepada masalah besar kerana kebanyakan peneroka tidak lagi mampu bekerja disebabkan kebanyakan mereka telah berusia lanjut. Kebanyakan peneroka bergantung kepada buruh asing kerana anak-anak peneroka sendiri tidak berminat untuk meneruskan usaha dalam bidang perladangan ini. Kerja-kerja penyelenggaraan pula tidak dijalankan di kawasan berbukit menyebabkan jalan pertanian terputus.

Isu generasi kedua peneroka yang mana anak mereka terpaksa tinggal dengan ibubapa walaupun selepas berkahwin memberi kesan kepada tahap sosioekonomi peneroka. Mengikut bancian pada tahun 2010 terdapat kira-kira 1,030 orang anak peneroka yang tinggal bersama ibubapa mereka. Terdapat usaha agar anak peneroka yang telah berkahwin ditempatkan sebagai peserta Agropolitan (ECER-KESEDAR). Hasilnya, sebanyak 52 lot tapak rumah telah disediakan untuk generasi kedua di RKT Lebir.

Jumlah hutang peneroka yang semakin bertambah juga menjadi masalah kepada pihak pengurusan untuk memungut semula hutang-hutang tersebut. Para peneroka diberi wang sara hidup sebanyak RM500 sebulan (RM50 per hektar) semasa tempoh tanam semula. Bantuan sara hidup tersebut akan diberi secara berterusan selama 48 bulan. Peneroka perlu membayar balik selepas empat tahun atau selepas hasil tanaman kelapa sawit diperoleh. Bagaimanapun peneroka tidak membayar balik pinjaman mengikut jumlah potongan yang telah ditetapkan.

Terdapat kira-kira 6,690 hektar kawasan yang belum ditanam semula. Implikasi tiada tanaman semula menyebabkan peneroka tiada punca pendapatan, tiada peluang pekerjaan untuk generasi kedua, kadar jenayah dan masalah sosial meningkat dan aktiviti ekonomi setempat tidak dapat berkembang. Terdapat kawasan sekitar tanah rancangan milik KESEDAR yang belum dimajukan tetapi telah diceroboh secara haram oleh peneroka atau generasi kedua peneroka dengan menanam kelapa sawit dan getah secara haram. Selain itu, ada di kalangan anak peneroka yang membina rumah secara haram di tanah kosong milik KESEDAR. Buat masa ini tidak ada tindakan yang boleh dikenakan untuk menghalang mereka daripada membuka ladang atau membina rumah secara haram kerana terdapat masalah dari segi peruntukan undang-undang.

RUMUSAN

Secara umumnya, tahap pendapatan responden peneroka masih lagi rendah walaupun kebanyakan mereka berpendapatan melepasi aras kemiskinan tegar. Faktor utama yang mempengaruhi pendapatan peneroka ialah usia pokok yang sudah tua, usia peneroka kebanyakannya sudah lanjut serta keluasan tanah untuk tanaman yang tidak bertambah. Isu-isu utama yang dihadapi oleh pihak pengurusan KESEDAR pula termasuklah isu dari segi peruntukan yang tidak mencukupi untuk tanaman semula, isu bantuan sara hidup peneroka, isu penyelenggaraan ladang, isu hutang peneroka, isu generasi kedua dan isu pencerobohan baki kawasan belum tanam semula.

Dalam usaha KESEDAR menggalakkan pertumbuhan Industri Kecil Luar Bandar yang maju serta berdaya saing, beberapa jenis skim bantuan telah disediakan. Skim yang dipanggil Skim Pinjaman Tabung Ekonomi Peneroka/Penduduk (TEKP) adalah pinjaman yang disediakan kepada penduduk Kelantan Selatan untuk meningkatkan pendapatan melalui kegiatan perniagaan. Pinjaman TEKP ini boleh dibuat secara individu atau koperasi bagi membiayai modal pusingan perniagaan. Jumlah pembiayaan yang boleh diperolehi daripada skim ini adalah sehingga RM5,000. Selain itu, KESEDAR dengan kerjasama Bank Pertanian Malaysia (BPM) juga telah memperkenalkan dua lagi skim bantuan pinjaman pada tahun 1995 iaitu Skim Bantuan Pinjaman Industri Luar Bandar (ILB) dan

Skim Bantuan Pinjaman Ekonomi Sampingan (ES). Selain itu, terdapat beberapa lagi program yang dilaksanakan untuk meningkatkan pendapatan peneroka serta program untuk membasmi kemiskinan tegar.

RUJUKAN

- Khairuddin dan Ooi Giak. (1984). *Penyelidikan sosio ekonomi*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan pustaka.
- S. Husin Ali. (1978). *Kemiskinan dan kelaparan tanah di Kelantan*. Petaling Jaya: Penerbitan ABADI.
- Hairi Abdullah. (1984). *Kemiskinan dan kehidupan golongan berpendapatan rendah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- KESEDAR. (2009). KESEDAR Homepage @ <http://www.kesedar.gov.my>
- Khoo Khee Ming dan D Chandramohan (2002). Malaysia Palm Oil Industry at Crossroads and its Future Direction. *Oil Palm Industry Journal*, Vol 2(2), 10-15.
- Mazlan Jamaludin. (2001, 5 Februari). Sawit: 237,564 keluarga pekebun kecil 'nazak'. *Utusan Malaysia*.
- Mohd Nahar Mohd Arshad. (2004, Jun). Cabaran memajukan sektor pertanian negara. *Utusan Malaysia*.
- Mustafa Dakian. (2008, Mei). Memerangi kemiskinan tegar. *Dewan Ekonomi*, 44-47.
- Todaro, m. p. (1997). *Economic Development* sixth edition, New York University, Longman London & New York.
- Yahya Ibrahim. (1994). *Proses Industrialisasi luar Bandar: Impak terhadap komuniti di tanah rancangan FELDA*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur.
- Tunku Shamsul. (1984). *Kemiskinan, masalah keperluan asas dan cadangan dasar*. Pulau Pinang: Persatuan Pengguna Pulau Pinang.
- Zaba. 1975. Footprints on Sand of Time: The Malay Poverty Concept Over Fifty Years From Za'ba to Aziz and the second Malaysia Five Years Plan on Stephen C and Khoo, *Malaysian Economic Development and Politics*. Kuala Lumpur Yayasan Anda Press.